

# PM mohon maaf

## MUKADIMAH

HARI ini genap seminggu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke luar negara untuk bercuti. Sebelum berlepas, Perdana Menteri 'meninggalkan' seluruh negara dengan satu peristiwa besar yang menjejaskan rakyat.

Beliau terbang ke Itali tidak sampai 24 jam selepas mengumumkan peletakan jawatannya pada 22 Jun lalu. Ia dilafazkan di hadapan kira-kira 4,000 perwakilan dan pemerhati pada Perhimpunan Agung UMNO ke-56 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Rakyat yang turut menyaksikan ucapannya itu melalui siaran secara langsung di televisyen juga tergamam dengan pengumuman Dr. Mahathir itu. Pun begitu, demi kepentingan parti dan negara, Perdana Menteri melegakan rakyat Malaysia apabila setuju menarik balik peletakan jawatannya itu.

Dalam pertemuan dengan wartawan RAMLI ABDUL KARIM dan YUSRI SAHAT di pejabatnya di Kuala Lumpur, anak Perdana Menteri, Datuk Mokhzani memberitahu, bukan suatu yang mudah untuk me-

ngubah semula keputusan bapanya itu.

Jelasnya, itu pun hanya setelah bapanya dipujuk dan menerima desakan hebat daripada pemimpin-pemimpin UMNO bermula dari pentas utama Dewan Merdeka, kemudian di bilik VIP PWTC dan akhirnya di bilik tidur di dalamnya.

"Tempoh hampir sejam memujuknya adalah saat-saat genting kerana dari awal bapa saya berkeras dengan keputusannya.

"Dalam perjumpaan tertutup dengan ahli keluarga, bapa saya berulang kali jelaskan masanya berundur sudah sampai dan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) pun sudah sedia menggantikannya," katanya.

Menurut beliau, niat bapanya untuk bersara adalah *genuine* bukannya main-main atau gurauan dan "tiada sandiwara langsung."

Dalam wawancara itu yang diadakan beberapa jam sebelum beliau berlepas ke Itali untuk menyertai percutian bapanya, Mokhzani, 41, berkata, beliau dan keluarganya cukup lega apabila Dr. Mahathir menetapkan untuk bersara pada Oktober 2003.

**pada keluarga**